

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN SERUANDI BIN SAAD**

**SOALAN**

Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jaringan kerjasama rentas Kementerian bagi membantu golongan miskin untuk menjana pendapatan dan tidak hanya mengharapkan bantuan Kerajaan semata-mata.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap kebajikan kumpulan sasar kementerian untuk membantu mereka ke arah hidup berdikari. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan Program 2 Years Exit Programme (2YEP) sejak tahun 2016, iaitu satu pendekatan bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan *survival*, supaya tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya serta memperkasakan klien melalui pelaksanaan program ke arah pembangunan modal insan. Pendekatan ini mengambil kira aspek meningkatkan motivasi klien supaya bersedia untuk bekerja selepas memperolehi latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaannya. Penglibatan klien dalam pekerjaan adalah secara berterusan bagi memastikan klien tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup.

Sejak 2016 sehingga 2022, seramai 6,284 peserta telah menyertai program 2YEP, dan hasil dari program tersebut seramai 1,465 peserta atau 25% telah berjaya mempertingkatkan pendapatan keluarga masing-masing mele过asi Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa. Oleh itu, bantuan JKM kepada para peserta ini telah ditamatkan.

Kementerian melalui JKM turut bekerjasama dengan lain-lain agensi untuk bersama-sama membantu klien. Klien akan diberikan modal asas perniagaan sebanyak RM 2,700.00 seorang untuk memulakan perniagaan oleh JKM. Seterusnya klien akan dibimbing dan dirujuk atau diberi penempatan kerja melalui agensi berkaitan seperti JobsMalaysia, TEKUN, Jabatan Pertanian, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, MARDI dan sebagainya.

Bagi klien yang berminat untuk menjalankan projek perusahaan dan penjanaan pendapatan dalam perniagaan, peserta boleh dibimbing dalam projek individu atau kelompok atau projek komuniti mengikut kesesuaian pengetahuan, kemahiran, kecenderungan dan minat yang mereka miliki.

## SOALAN NO. : 3

Klien juga boleh dibuat padanan pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran, pengetahuan dan minat dan akan dirujuk kepada JobsMalaysia, sektor swasta, badan berkanun, syarikat persendirian, sektor korporat dan sebagainya.

Selain itu, JKM turut membangunkan Pelan Tindakan Keusahawanan Sosial JKM Tahun 2021-2025. Pelan ini diwujudkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (MEDAC) bertujuan bagi meningkatkan peranan Jabatan sebagai agensi yang membantu memperkasa kemandirian sosio ekonomi kumpulan sasar bagi mengurangkan kebergantungan dan menjadi lebih produktif serta berdaya saing selaras dengan keperluan semasa.

Selain daripada JKM, Yayasan Kebajikan Negera (YKN) turut memperkenalkan Program MyKasih Kapital iaitu bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberikan kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan. Pemberian insentif ini melalui bantuan asas modal perniagaan ini diberikan secara *one-off* sebagai usaha permulaan untuk menggalakkan wanita bermiaga menggunakan platform e-dagang atau *dropship* dan lain-lain perniagaan yang memerlukan modal niaga yang kecil.

Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM juga turut dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang bertujuan untuk memberi fokus kepada aktiviti penjanaan pendapatan dengan menghubungkan wanita kepada platform yang menawarkan peluang pekerjaan, perniagaan atau keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NORAINI BINTI IDRIS**

**SOALAN**

Puan Noraini binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan alternatif terbaik yang boleh menggantikan pelaksanaan JKMPay dalam usaha meningkatkan keupayaan digitalisasi dalam aspek penyaluran bantuan bulanan JKM kepada komuniti OKU yang berdaftar khususnya yang berhadapan dengan masalah capaian Internet dan akses pengangkutan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (*Cash/less*) atau dikenali sebagai JKMPay.

Projek ini berstatus PROJEK RINTIS dilaksanakan mulai bulan Februari 2021 ke atas penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada. Skim bantuan kewangan yang terlibat adalah semua skim bantuan bulanan Persekutuan iaitu Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Warga Emas, Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya, Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dan Bantuan Anak Pelihara.

Pelaksanaan JKMPay adalah selari dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) di bawah seliaan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (MED4IRN) ataupun lebih dikenali sebagai inisiatif MyDIGITAL. MyDIGITAL telah merangka pelbagai inisiatif bagi memacu pelaksanaan pendigitalan Malaysia dalam memangkin ekonomi negara yang berpaksikan kepada teknologi.

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan JKMPay masih berstatus PROJEK RINTIS, kementerian tidak berhasrat untuk menggantikan inisiatif digitalisasi yang lain bagi menggantikan JKMPay. Usaha-usaha penambahbaikan juga telah mula dilaksanakan oleh Kementerian melalui pendekatan berikut:

- 1) Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah diadakan pada 24 dan 25 Februari 2022 di Dewan Perdana Nur, KPWKM bagi memberi maklumat yang lebih jelas mengenai JKMPay;

**SOALAN NO. : 20**

- 2) Mempelbagaikan platform pembayaran digital (pembelian secara dalam talian, pembayaran bil, tambah nilai kad prabayar);
- 3) Menyediakan senarai Direktori Pekedai di setiap Daerah Rintis dan dipaparkan di laman web, Sosial media KPWKM dan JKM serta di aplikasi ME12PAY; dan
- 4) Menambah bilangan pekedai termasuk farmasi, klinik, kedai makan dan perkhidmatan penghantaran dari masa ke semasa.

Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini dilaksanakan agar dapat memberi manfaat dan memudahkan penerima bantuan. Satu kajian menyeluruh akan diadakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Pada masa ini projek ini akan kekal berstatus projek rintis dan diteruskan di lokasi sedia ada dan belum diperluaskan ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian dibentangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ**

**SOALAN**

**Dato' Wira Othman bin Aziz** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah perubahan demografi dramatik menuju status "negara tua" atau "gempa usia" menjelang 2030 terutamanya dari aspek perlindungan sosio ekonomi, kesihatan dan kemudahan asas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila 15.3% daripada populasi negara mencapai umur 60 tahun dan ke atas. Dalam hubungan ini, usaha bersepadu sedang diambil untuk mempertingkat penjagaan, perlindungan dan sokongan bagi membolehkan warga emas menjadi anggota masyarakat yang aktif. Justeru itu, kerajaan telah membuat perancangan dan mengambil langkah sewajarnya bagi menghadapi perkara ini. Antara inisiatif yang telah dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi menghadapi situasi ini adalah pengkajian semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan juga pelaksanaan satu kajian berkenaan pewujudan satu akta khusus bagi warga emas.

## **SOALAN NO. : 24**

Selain daripada itu, KPWKM juga melaksanakan beberapa kajian lain seperti “Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia” dan “Kajian Preparation Towards an Aged Nation by 2020 – Age-friendly City (Taiping)”. Hasil daripada semua kajian ini akan diteliti dan diambil kira dalam persediaan negara ke arah menjadi negara tua termasuk dari segi penyediaan khidmat penjagaan kepada warga emas.

Berhubung perkara sosio ekonomi, dengan penyediaan skim insurans kepada warga emas, ini adalah bidang tanggungjawab Kementerian Kewangan (MOF). Selain itu, menurut Unit Perancang Ekonomi (EPU) JPM, sistem pencen dan perlindungan persaraan akan diperkemas. Skim persaraan swasta akan dihebahkan sebagai pelengkap kepada skim yang sedia ada. Program bantuan sosial sedia ada pula akan diselaras untuk memperkuuh perlindungan sosial bagi warga emas. Inisiatif ke arah pemantapan dan pengukuhan perlindungan sosial di Malaysia sedang dilaksanakan oleh semula Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang diterajui oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, (ICU JPM). Perkara ini perlu diperincikan pada peringkat Jawatankuasa Kerja Insurans Sosial (JKSI) di bawah MySPC yang diterajui oleh MOF.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR IR. TS. HAJI KHAIRIL  
NIZAM BIN KHIRUDIN**

**SOALAN**

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program sokongan psikologi yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menyokong waris-waris anak palsi serebrum (*Cerebral Palsy*) dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Bahagian Psikologi dan Kaunseling menyediakan perkhidmatan kepada komuniti OKU merangkumi pelbagai kategori termasuk ibu bapa/penjaga yang mempunyai anak Palsi Serebrum (*Cerebral Palsy*) yang mana sokongan psikologi merupakan salah satu bentuk intervensi yang disediakan kepada mereka sama ada secara sukarela mahupun dirujuk.

Perkhidmatan ini boleh diakses di mana-mana pejabat kebajikan masyarakat baik di peringkat daerah/jajahan/bahagian mahupun Negeri yang dikendalikan oleh pegawai psikologi/kaunselor yang terlatih bagi memastikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang terbaik dan efektif kepada komuniti OKU.

Palsi Serebrum merupakan salah satu sub kategori di bawah kategori OKU fizikal. Sehingga 28 Februari 2022, seramai 34,198 orang OKU *cerebral palsy* yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Semua OKU tanpa mengira kategori atau sub kategori kurang upaya termasuk *cerebral palsy* dan waris mereka adalah berhak mendapat bantuan dan kemudahan sama rata berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyantuni waris OKU *cerebral palsy* sama seperti waris OKU kategori kurang upaya lain melalui pelbagai jenis bantuan dan kemudahan sistem sokongan sosial seperti berikut:

- i. Kemudahan Jagaan, Perlindungan, Pemulihan dan Latihan melalui Institusi OKU;
- ii. Kemudahan Intervensi Awal kepada Kanak-Kanak OKU di TASKA OKU;
- iii. Kemudahan Pemulihan kepada OKU di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK);

**SOALAN NO. : 39**

- iv. Perkhidmatan Sokongan kepada OKU dan Ahli Keluarga melalui di Pusat Kehidupan Berdikari atau *Independent Living Centre (ILC)*;
- iv. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT);
- v. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB);
- vi. Elaun Pekerja OKU (EPOKU); dan
- vii. Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT/S)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH NURIDAH  
BINTI MOHD SALLEH**

**SOALAN**

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan rumah perlindungan mangsa keganasan rumah tangga yang sedia ada mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan wanita terutama mangsa keganasan rumah tangga. Jumlah rumah perlindungan atau dikenali juga sebagai Tempat Selamat yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] di bawah kendalian kerajaan mengikut negeri adalah sebanyak 35 buah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>BIL. RUMAH PERLINDUNGAN</b>
1.	Johor	4
2.	Kedah	3
3.	Kelantan	1
4.	Melaka	1
5.	Negeri Sembilan	2
6.	Pahang	2
7.	Perak	3
8.	Perlis	1
9.	Pulau Pinang	1
10.	Selangor	4
11.	Terengganu	3
12.	Sabah	2
13.	Sarawak	5
14.	WP Kuala Lumpur	1
15.	WP Labuan	2
<b>JUMLAH</b>		<b>35</b>

**SOALAN NO. : 50**

Manakala jumlah rumah perlindungan yang dikendalikan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah sebanyak 7 buah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>BIL. RUMAH PERLINDUNGAN</b>
1.	Pahang	2
2.	Pulau Pinang	1
3.	Sabah	2
4.	Selangor	1
5.	WP Kuala Lumpur	1
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>

Selain itu, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mewujudkan pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid. Dua (2) buah masjid telah dipilih sebagai Masjid Pusat Transit manakala dua belas (12) buah masjid lagi dijadikan sebagai Masjid Pusat Aduan seperti berikut:

<b>Masjid Pusat Transit</b>	
1	Masjid Al Gufran, Taman Tun Dr. Ismail
2	Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

<b>Masjid Pusat Aduan</b>	
1	Masjid Al Imam Al Ghazali, Bandar Manjalara, Kepong
2	Masjid Al Qurtubi, Taman Seri Segambut
3	Masjid Amru Ibn Al Ass, Bandar Baru Sentul
4	Masjid Salahuddin Al Ayyubi, Taman Melati, Setapak
5	Masjid Al Imam Asy Syafie, Taman Maduri
6	Masjid Ar Rahimah, Kampung Pandang
7	Masjid Jameul Ehsan, Setapak
8	Masjid Abu Ubaidah Al Jarrah, Taman Sri Rampai
9	Masjid Al Muqarrabin, Bandar Tasek Selatan
10	Masjid Az Zubair Ibn Awwam, Cheras

**SOALAN NO. : 50**

<b>Masjid Pusat Aduan</b>	
11	Masjid Ar Rahman, Jalan Pantai Baru
12	Masjid Al Ikhlasiah, Jalan Pantai Dalam

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**

**SOALAN**

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bentuk-bentuk bantuan yang telah diberi oleh Kementerian kepada pusat perlindungan swasta bagi wanita hamil luar nikah di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah merekodkan sebanyak 11 buah Pusat Jagaan Wanita telah berdaftar sehingga 31 Disember 2021.

JKM juga ada menyediakan Rumah Perlindungan yang dinamakan sebagai Pusat Jagaan Sinar Kasih (PJSK). PJSK ini dikhaskan kepada wanita hamil yang berumur 18 tahun ke atas dan memerlukan perlindungan dan penjagaan. Kemasukan ke PJSK adalah secara sukarela. Terdapat tiga (3) buah PJSK yang beroperasi di Sungai Buloh, Selangor, Batu Gajah, Perak dan Kuching, Sarawak.

PJSK ditubuhkan bagi memberi perlindungan kepada wanita hamil luar nikah yang berumur 18 tahun ke atas. Perlindungan diberikan sehingga wanita tersebut melahirkan kandungannya. Tujuan utama kepada penubuhan PJSK adalah bagi mengelakkan berlakunya pembuangan bayi serta dalam masa yang sama memastikan agar bayi yang dilahirkan mendapat penjagaan dan perlindungan yang sewajarnya. Bayi tersebut akan ditempatkan di institusi kanak-kanak sekiranya ibu kandung tidak sanggup menjaga dan memeliharanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK TEO ENG TEE @  
TEO KOK CHEE**

**SOALAN**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak bekerja dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam membekalkan keperluan, sokongan dan komitmen kepada mereka dalam mendapatkan pekerjaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat daripada Sistem Maklumat OKU (SMOKU) JKM, seramai 597,355 OKU telah berdaftar sehingga Februari 2022 dan daripada jumlah tersebut seramai 331,944 dalam lingkungan umur 19-59 tahun merupakan umur produktif untuk bekerja, namun tidak semuanya boleh bekerja berdasarkan tahap ketidakupayaan OKU tersebut.

Pada masa ini, bagi OKU yang tidak dapat bekerja atau tidak berupaya bekerja disebabkan ketidakupayaan mereka, kerajaan telah memberikan sokongan dengan memberi Elaun OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) kepada 85,468 OKU manakala bagi OKU boleh bekerja dan pendapatan yang diterima di bawah RM1500.00 sebulan, Kerajaan menyokong mereka dengan bantuan elauan pekerja OKU (EPOKU) sebanyak RM450.00, seramai 93,263 OKU telah menerima manfaat atas kesungguhan mereka bekerja.

Selain bantuan kewangan, Kementerian sentiasa ingin meningkatkan penyertaan OKU dalam pekerjaan walaupun menyedari bahawa isu pekerjaan bukanlah tanggungjawab KPWKM sahaja. Kerajaan melalui Kementerian membantu dengan melaksanakan:

1. Program perkhidmatan *Job Coach* terutama kepada OKU Pembelajaran untuk diterima oleh majikan. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2012, seramai 1,457 OKU telah mendapat manfaat daripada 884 majikan yang berminat menggajikan OKU.
2. Melaksanakan kursus *Job Coach* kepada majikan dan pekerja bagi memahami isu-isu OKU di tempat kerja.
3. Menjalankan kursus *Disability Related Service Training* (DRST) kepada majikan dan orang awam dalam menyantuni OKU.

**SOALAN NO. : 108**

4. Bekerjasama dengan PERKESO untuk mendaftarkan OKU dalam portal pencari kerja.
5. Menjalankan temuduga khas kepada OKU bersama PERKESO dan majikan terpilih.
6. Menyediakan video kempen kesedaran awam berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada OKU.
7. Mengiktiraf majikan yang menggajikan OKU sebagai Majikan Prihatin dalam Sambutan Hari OKU setiap tahun.

Sekian, terima kasih.